

---

Title	[Garam]
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1999 Muhammad Ariff bin Ahmad

**RADIO SINGAPURA INTERNASIONAL**

Programme: Seni dan Karya [ruangan INDAH BAHASA]

Duration: 5 mins

Producer: Hassan Salleh

Scriptwriter: Haji Muhammad Ariff Ahmad

Date of Broadcast: Tue 26 Jan 1999 @ 20:45

Repeat Broadcast: Thu 28 Jan 1999 @ 19:45

\*\*\*\*\*

- CART                      Sig tune - *Yang kuriek ialah kundi, Yang merah ialah saga;  
Yang baik ialah budi, Yang indah ialah bahasa..*
- Pres 1                      Saudara pendengar yang sentosa lagi berbahagia,  
Minggu lepas kita tidak ke udara.. kerana memberi jalan kepada  
rancangan orang berhari raya. Mudah-mudahan sekalian mereka yang  
berkepentingan telah selamat sempurna.. menunaikan tanggungan dan  
sambutan hari yang bahagia.. Mudah-mudahan Allah terima segala  
ibadat mereka.. dan mengabulkan semua doa yang mereka pinta!
- Pres 2                      Kita buka tirai bicara untuk musim kini.. dengan sebuah teka-teki.. yang  
disampaikan melalui.. syair *quartrin* yang berbunyi:  
*Daripada air mula jadinya,  
menempuh air sangat takutnya,  
lamun masakan dengan tiadanya,  
maka makanan taksedap rasanya.*
- Pres 1                      Jika anda ingin tahu apakah jawapannya.. dengarlah sekarang syair yang  
seterusnya..  
*Duhai penyoyal yang bijaksana,  
biarlah saya cuba menekanya,  
jikalau tidak salah jawapannya:  
itulah garam yang masin rasanya.*
- Pres 2                      Benar. *Garam* bukan hanya.. merupakan renciah perasa yang utama.. ia  
adalah juga bahan pengawet yang berguna. Cuba petiakan peribahasa  
yang termasyhur.. ujarinya jujur: *sayang garam sececah, busuk kerbau  
seekor*. Kerana sayangkan garam sececah sahaja.. kerbau seekor busuk  
semua. Perumpamaan itu membawa makna: *kerana lokek nak keluar  
modal sedikit.. membeli garam sebagai pengawet, seseorang terpaksa  
menanggung rugi sebukit.*
- Pres 1                      Keperluan *garam* dalam masakan, memang sudah sedia dipantunkan..  
dalam rangkap yang sederhana, tetapi menjelaskan:  
*Sampan kecil jangan dipaut,  
Kalau dipaut terbelah dua;  
Asam di gunung garam di laut,  
Dalam belanga bertemu jua.*

- Pres 2 Para pendengar yang cerdas lagi cendekia,  
Apabila membincangkan jodoh gadis dengan jejak.. kerap kali orang menggunakan pantun pusaka.. yang berkata:  
*Ayam sabung jangan ditambat,  
Kalau ditambat kalah berlaga;  
Asam di gunung ikan di tebat,  
Dalam belanga bertemu juga.*
- Pres 1 Ya, memang! Bertemu memang bertemu.. tetapi, cuba temukan asam dan ikan melulu.. tanpa mencampurkan *garam* sesudu.. insya Allah, tekak nak telan tiada lalu. Cuba perhatikan dengan saksama: masakan Melayu, *asam pedas* namanya.. masakan Cina, *masam manis* namanya. Namun, jika masakan itu tidak dibubuh garam secukup rasa.. nescaya kuranglah selera orang memakannya.
- Pres 2 Sesebuah karangan yang gersang isinya.. atau sesuatu persembahan yang membosankan *audiannya*.. ataupun sesuatu pekerjaan yang kurang sempurna.. dipadankan orang dengan peribahasa yang berkata: *bagai bubur tak bergaram* sahaja, yakni tawar hambar atau cemplang pula rasanya. Ternyata bahawa *garam* yang nyata.. atau *garam* yang simbolis diperlukan di mana-mana.
- Pres 1 Akan peribahasa *dicecah orang sebagai garam* pula.. memberi makna: *seorang perempuan yang diperisteri tidak lama - hanya beberapa minggu atau sebulan dua*. Belum luntur inai ditangannya.. belum hilang aroma ngantannya.. atau belum selesai *bulan machnya*, dia sudah ditalak suaminya. Suami yang menalak isterinya begitu rupa.. dianggap *aniaya* dan *zalim*.. serta diungkap pepatah: *sama turun sama malim*.
- Pres 2 Ada pula orang-orang lama.. yang bermegah dengan pengalamannya.. mendabik dada sambil berkata: *aku makan garam lebih dulu daripada mereka*. Ucapan itu disambut anak-anak muda, dengan wacana: *dulu makan garam memang dia.. tetapi, siapa yang lebih banyak memakannya.. masih boleh disengketa*. Zaman sekarang ialah zaman IT.. *terdulu makan garam bukan bukti.. bahawa dia berilmu tinggi!*
- Pres 1 Bagaimanapun, masa kini sudah ternyata.. masing-masing, tak kira yang muda atau yang tua.. berlumba-lumba *mengurangkan makan garam dan gula*.. kerana kedua-duanya adalah pemula kepada penyakit yang berbahaya. *Dargi (darah tinggi)* disebabkan makan garam berlebihan; *kenis (kencing manis)* disebabkan makan gula tidak bertahan. *Dargi dan kenis* adalah pemula *sakit jantung* yang membawa kematian!
- Pres 2 Maka itu, *siapa banyak dan siapa dulu.. memakan garam itu.. bukanlah lagi persoalan perlu*. Kesihatan diri patut kita fikirkan.. makan garam dan gula baik kita kurangkan.. menghisap rokok elok kita berhentikan. Mudah-mudahan, sihat afiat Allah kurniakan! Amin Allahumma Amin!
- CART Closing sig tune..